



**JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**TENDER TERBUKA**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:

<b>Nombor Tender Dan Tajuk Tender</b>	<b>Kod Bidang Pendaftaran</b>	<b>Kaedah Perolehan</b>
Nombor Tender: X0351080101070008  DEVELOPMENT, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF AN INTEGRATED GEOSCIENCE INFORMATION SYSTEM	220503	Secara ePerolehan
<b>PETENDER ADALAH DIWAJIBKAN MENGHADIRI TAKLIMAT PADA : 14 OGOS 2007 (SELASA) JAM : 10.00 PAGI BERTEMPAT DI BILIK NILAM, TINGKAT 22, BANGUNAN TABUNG HAJI, JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR</b>		

Kontraktor yang ingin menyertai tender ini mestilah '**ePerolehan enabled**'. Nombor rujukan yang dijana oleh sistem ePerolehan boleh diperolehi di kaunter Telecenter seperti alamat di bawah. Dokumen Tender boleh dibeli oleh kontraktor bermula pada hari taklimat dan **kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja dibenarkan membeli Dokumen Tender**. Harga Dokumen Tender ialah RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja) dan hendaklah dibayar dalam bentuk **Bank Draf atau Wang Pos** atas nama **Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia**. Hanya petender yang menunjukkan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang masih sah tempohnya dalam Kod Bidang seperti di atas yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia berserta satu salinan sijil tersebut akan dibenarkan membeli Dokumen Tender.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (key-in) ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau pada jam **12.00 tengahari, 14 September 2007 (Jumaat)**. Semua dokumen tender (Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan dalam *hardcopy*) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dimeterikan dan di sebelah atas kiri sampul ditulis Tajuk Tender serta No. Rujukan Unik (yang dijana oleh sistem ePerolehan) dan dialamatkan seperti berikut:

**Ketua Pengarah  
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG)  
Ibu Pejabat, Tingkat 20,  
Bangunan Tabung Haji  
Jalan Tun Razak  
50658 Kuala Lumpur  
Tel: 03-21611033**

Dokumen Tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Unit Pentadbiran, Lantai 20, Bangunan Tabung Haji, Jalan Tun Razak tidak lewat daripada tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 14 September 2007**. Tender yang lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.